

D.R. 18/92

Naskhah Sahih—**Bahasa** Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah-Mahkamah
Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991.

[]

BAHAWASANYA, mengikut butiran 13 dalam Senarai HA Senarai Perundangan dalam Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa mahkamah-mahkamah anak negeri bagi Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak hendaklah tidak termasuk bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan;

DAN BAHAWASANYA adalah suaimanfaat untuk meminda bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang diberi kepada mahkamah-mahkamah anak negeri bagi Negeri-Negeri itu;

OLEH YANG DEMIKIAN, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah-^{Tajuk} Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) ringkas (Pindaan) 1992.

RANG UNDANG-UNDANG

Pindaan
seksyen 2.
Akta 471.

2. Seksyen 2 Akta Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua ratus ringgit" dengan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Mahkamah-Mahkamah Anak Negeri (Bidang Kuasa Jenayah) 1991 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk menambah bidang kuasa jenayah yang diberi kepada mahkamah-mahkamah anak negeri dalam Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak. Dengan pindaan ini, mahkamah-mahkamah anak negeri akan mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama suatu tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau dengan denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1710.]